

42 Sinar Harian • Khamis 22 Disember 2016

KUALA LANGAT. SEPANG

HURUNG SKUDU KUALA LANGAT, SEPANG: NURUL FIRDAUS KHAI - 019-6809020/ 019-3371066

# Kantin SMKBB diiktiraf Gred A Anugerah KECEMERLANGAN GPS BESTARI

**BANTING** — Menamakan sebuah kantin sekolah dengan gelaran Anjung Selera menjadikan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Banting, Kuala Langat diangkat sebagai kantin terbaik di daerah Kuala Langat.

Pengetutanya, Ros Lizan berkata, kedudukan yang strategik dengan struktur bangunan yang baru menyebabkan kantin ini nampak cantik dan moden sedikit daripada sekolah yang lain sekaligus mengelakkannya dari nama Anjung Selera SMK Bandar Banting sempena idea daripada bekas Pengetua, Rahani Arshad melalui Program Kebitaran Kantin Sekolah pada 2012.

Bagaimanapun, selepas itu, program ini diteruskan oleh pengetua seterusnya iaitu Khairi Bidin pada 2013-2015.

Khairi bersama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bersepatuk untuk mewujudkan anjung di hadapan kantin dengan kos bersama di antara pengusaha dan PIBG.

Ros menambah, bersesuaian dengan nama yang dipilih pihak sekolah berseputu memilih konsep Nusantara bagi program kebitaran kantin pada tahun itu.

Katanya, usaha itu membuktikan hasil selepas pelbagai kejayaan dicapai oleh kantin ini malah mendapat pengiktirafan Gred A premis makaran daripada Kementerian Kesihatan Daerah Kuala Langat dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) di mana Anjung Selera SMK Bandar Banting telah terpilih untuk mewakili daerah Kuala Langat ke pertandingan Anugerah Kantin Bersih, Selamat dan Sihat di bawah anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2014 di samping mewakili daerah ke Pertandingan Anugerah Kantin Bersih sempena Karnival 3K di dalam anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Selangor pada tahun sama.

"Masa tu, Anjung Selera SMK Bandar Banting dah jadi johan untuk kedua-dua pertandingan tersebut dan berjaya mewakili Selangor ke peringkat kebangsaan pada 2014," katanya.



Sebahagian pelajar menunjukkan isyarat bagus di ruangan info kesihatan yang disediakan.

Kantin yang dikenali sebagai Anjung Selera SMKBB tersergam indah di satussudut sekolah.

## PIBG sentiasa beri sokongan

Pengerusi PIBG, Kadiran @ Razali Jamil berkata, pihak sekolah berusaha merasmiaskan madamatan menjadikan kantin SMK Bandar Banting bertaraf lima bintang di samping memberi kesedaran dan motivasi kepada pelajar tentang tanggungjawab menjaga kebersihan, bekerjasama mencari kantin, menghargai kemudahan serta berusaha menjadikan kantin sebagai tempat yang penuh dengan pelbagai maklumat.

Katanya, program kebitaran ini diteruskan pulak oleh Ros supaya Anjung Selera SMK Bandar Banting dapat mengelakkan nama sebagai Kantin Bersih dan Selamat apabila dipilih oleh Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) untuk mewakili daerah Kuala Langat dalam program 3K Peringkat Negeri Selangor 2016.

"Saya nampak bila dia hias cantik,

Pelajar pun menjadikan kantin sebagai tempat pelbagai wadah ilmu. "Lebih menarik ada seorang guru sekolah ini kumpul kekangan majalah-majalah Kumpulan Media Karangkraf menerusi ruangan kesihatan sebagai bahan bacaan yang ditampal di sepanjang meja makan kantin berkenaan," katanya.

## Mesa dengan pelajar

Pengusaha kantin, Siti Mahani Kamarudin, 53, berkata, pengalaman mengusahakan kantin berkenaan sejak 10 tahun lalu menjadikan dirinya dekat dengan suasana sekolah.

Katanya, dia yang mesra menyapa panggilan sayang kepada se-

tiap pelajar memberi kelebihan kepadanya untuk dekat dengan pelajar malah dia turut menganggap 1,626 pelajar sekolah berkenaan sebagai anak-anaknya.

"Sebab itulah acik tak kisah kalau budak-budak ni berseloroh dengan acik sekali pun, sebab mereka semua juga kebersihan."

"Acik pun suka bila mereka pa-

tuh arahan dan bila tengok kawasan kantin bersih ni, kita sebagai pengusaha pasti mempermerk basih sang dengan semua warga sekolah. ye lah kerja kita pun senang tak payah susah-susah mengemas," kata dia yang mengakui turut serta menyumbang dana untuk kecerian sekolah bersama pihak sekolah termasuk PIBG.

## REAKSI



Saya gembira sekolah ada kantin terbaik, sedikit sebanyak naikkan imej sekolah sebab tak semua sekolah kantin cantik macam ni. - Mohd Zul Azri Ar Rahim, 17



"Paling penting, bagi saya kuantiti makanan berbaloi selain suasana kantin macam di rumah, bersih dan ceria." - Arme Omar, 17

